



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful Merangkul Anugerah Majikan Terbaik Kincentric 2023**

*Komited dengan keterlibatan warga kerjanya demi menyerlahkan sinergi kerja terbaik.*

**2 April 2024, Kuala Lumpur** – Great Eastern Takaful Berhad (GETB), sebuah pengendali takaful keluarga mencatatkan kejayaan baharu melalui penganugerahan Majikan Terbaik Kincentric dalam majlis penyampaian anugerah yang telah diadakan di ibu pejabatnya, Menara Great Eastern. Berteraskan misi untuk saling membantu mereka yang memerlukan, Great Eastern Takaful juga telah membuktikan keupayaannya bukan sahaja dengan menyediakan tempat kerja yang kondusif tetapi juga dalam mendengar, memastikan keterlibatan serta memenuhi keperluan warga kerjanya, demi meningkatkan pengekalan pekerja serta prestasi perniagaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, “Sebagai pengendali takaful keluarga yang sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan di samping meraikan kepelbagaian warga kerjanya, kami amat berbesar hati kerana terpilih sebagai salah satu penerima Anugerah Majikan Terbaik Kincentric 2023. Pengiktirafan ini mencerminkan dedikasi kami dalam memupuk dan meningkatkan budaya kerjasama di kalangan warga kerja serta memacu kemajuan yang mampan.”

Anugerah Majikan Terbaik Kincentric adalah lambang kesungguhan serta kerja keras seluruh tenaga kerjanya dalam membentuk persekitaran kerja yang inklusif, menyediakan sokongan sewajarnya, dan memperkasakan pekerja. Melalui pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan Sumber Manusia, peluang pembelajaran berterusan, serta pendekatan kepimpinan yang berteraskan individu, Great Eastern Takaful berusaha untuk memastikan warga kerjanya diberikan penghargaan, motivasi, serta penglibatan penuh di semua peringkat pekerjaan.

Selain itu, cara kerja fleksibel turut berperanan sebagai nilai tambah yang meningkatkan kebolehsuaian mereka terhadap persekitaran dan kemudahan yang disediakan dengan cepat dan mudah demi meningkatkan profesionalisme dan produktiviti mereka. Mereka diberikan pilihan untuk bekerja dari rumah, di mana ia menunjukkan komitmen syarikat dalam memberikan keseimbangan antara kerja dan kehidupan yang lebih baik.

“Kami sedia maklum bahawa budaya kerja yang baik adalah kunci kepada prestasi dan produktiviti kerja yang optimum maka pihak pengurusan amat mementingkan keterlibatan pekerja. Selain daripada penganjuran aktiviti menyeluruh seperti *Away Day*, sambutan perayaan, serta perjumpaan umum, pihak pengurusan juga giat berkomunikasi dengan para pekerja melalui pelbagai sesi perjumpaan dan perbincangan santai. Tambahan pula, sebagai institusi yang mementingkan nilai-nilai murni, kami percaya bahawa ia mendorong budaya korporat seterusnya meningkatkan prestasi kerja. Oleh itu, kami berusaha sebaik mungkin untuk memastikan warga kerja kami dipandu nilai-nilai i-

*GREAT* kami; *integrity, groovy, respect, empathy, action oriented and teamwork.*” tambahnya.

Dengan itu, Great Eastern Takaful ingin merakamkan penghargaan kepada semua warga kerja yang berdedikasi, di mana usaha, semangat, serta kesungguhan mereka menjadi faktor utama dalam mencapai kejayaan ini.

-TAMAT-

## **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Great Eastern Takful juga dianugerahkan sebagai Majikan Terbaik oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greateasterntakaful.com](http://www.greateasterntakaful.com).

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

### **Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel : 016 - 209 234

E-mel : [MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greateasterntakaful.com)